

ARRASIKHUN JOURNAL

PEER-REVIEWED INTERNATIONAL JOURNAL

مجلة الرأسخون مجلة عالمية محكمة

ISSN: 2462-2508

Volume 10, Issue 2, Jun 2024

الإصدار العاشر، العدد الثاني، يونيو 2024



مجلة الراسخون

مجلة عالمية محكمة

ISSN:2462-2508

أبحاث الإصدار التاسع، العدد الثاني، يونيو 2024

أولاً: الدراسات الإسلامية

البحث	صفحة
1- التشبيهات القرآنية وأبعادها التربوية الأخلاقية (سورة القمر أنموذجاً)	20-1
2- التسلسل التاريخي للتصنيف في التفسير (أهميته وآثاره)	40-21
3- الأساليب الدعوية الخلقية عند الأنبياء والدعاة مع أفراد أسرهم في القرآن الكريم	68-41
4 - الفروق الأصولية في مباحث دلالات الألفاظ عند ابن النجار من خلال كتاب شرح الكوكب المنير جمعاً ودراسة	92-69
5 - إصدارات الشيعة لنشر الرفض في سريلانكا (دراسة وصفية تاريخية)	111-93
6 - سلطات رئيس الدولة بين الفقه الإسلامي والدستور الصومالي: دراسة مقارنة	145-112
7 - إدارة المخاطر في عقد المشاركة المنتهية بالتمليك في الفقه الإسلامي والمصارف الإسلامية	167-146

ثانياً: الدراسات اللغوية

البحث	صفحة
8. توظيف استراتيجيات التعلم التعاوني في معالجة الفروق الفردية لمتعلمي اللغة العربية الناطقين بغيرها	186-168
9. دور المعلم في إدارة التنوع الثقافي وتوظيفه في تنمية الكفاءة التواصلية لمتعلمي اللغة العربية الناطقين بغيرها	206-187

ثالثاً: الدراسات باللغة الملايوية

البحث	الصفحة
KENALI ISLAM MELALUI MODEL DAKWAH AMIRAH MDA 2024))	207-219

أعضاء هيئة تحرير المجلة:



رئيس هيئة التحرير : الأستاذ الدكتور / داود عبد القادر إيليغا



مدير هيئة التحرير: الأستاذ المساعد الدكتور سامي سمير عبد القويّ



نائبة مدير هيئة التحرير: الأستاذة / عايدة حياتي بنت محمد سند



سكرتيرة المجلة: الأستاذة / دينا فتحي حسين

محكمو أبحاث العدد (حسب الترتيب الأبجدي):

- الأستاذ الدكتور/ خالد حمدي عبد الكريم
- الأستاذ الدكتور/ داود عبد القادر إيليغا
- الأستاذ الدكتور عبد الرحيمي سولوغ
- الأستاذ المساعد الدكتور سمير سعيد الحصري
- الأستاذ المشارك الدكتور/ إبراهيم بيومي
- الأستاذ المشارك الدكتور/ أنيس الرحمن منظور الحق
- الأستاذ المشارك الدكتور إسماعيل بن مت
- الأستاذ المشارك الدكتور/ حساني محمد نور محمد
- الأستاذ المشارك الدكتور/ خالد نبوي سليمان حجاج
- الأستاذ المشارك الدكتور/ صلاح عبد التواب سعداوي سيد
- الأستاذ المشارك الدكتور/ عبد الواسع إسحاق نصر الدين
- الأستاذ المشارك الدكتور/ المتولي علي الشحات
- الأستاذ المشارك الدكتور/ محمد إبراهيم بخيت
- الأستاذ المشارك الدكتور/ محمد البساطي
- الأستاذ المشارك الدكتور/ محمد صلاح الدين أحمد فتح الباب
- الأستاذ المشارك الدكتور/ محمد أحمد عبد المطلب عزب
- الأستاذ المشارك الدكتور/ محمد البساطي
- الأستاذ المشارك الدكتور/ نادي قبصي البديوي سرحان
- الأستاذ المشارك الدكتور/ وان مت بن حاج سليمان
- الأستاذ المشارك الدكتور/ وليد علي الطنطاوي
- الأستاذ المشارك الدكتور/ ياسر عبد الحميد جاد الله النجار
- الأستاذ المشارك الدكتور/ ياسر محمد عبد الرحمن طرشاني

KENALI ISLAM MELALUI MODEL DAKWAH AMIRAH

(MDA 2024)

GET TO KNOW ISLAM THROUGH AMIRAH'S DAKWAH MODEL (MDA 2024)

Ir Dr Wan Mahmood Wan Ab Majid* AbdulKareem Samaeng* * Hamdan Datu***

*** Pelajar Ph.d, Fakulti Pengajian Islam, Fatoni University, Thailand.**

**** Prof. Madya, Doctor, Fakulti Pengajian Islam, Fatoni University, Thailand.**

***** Doctor, Fakulti Pengajian Islam, Yala Rajabhat University, Thailand.**

Abstract

The objective of this study is to develop a dakwah model to convey the message of Islam to the non-Muslim community in Kelantan and also to be ranked globally using qualitative research methods. The methodology of this study uses a qualitative research method by conducting intensive interviews with 11 da'wah organizations in Kelantan as well as interviews with a group of indigenous people who have just embraced Islam in the indigenous area of Gua Musang Pos Tohoi, Kelantan, interviews with a group of converts who have already embraced Islam and are attending a compression course New brother's faith organized by YADIM and MACMA 2023 In Kelantan and the new brother's course was attended by 101 participants two or three years old converted to Islam organized by MAIK in 2023 in Kota Bharu, Kelantan. The findings of the study Converts are originally non-Muslims through the process of converting their religion during the time when they did not know Islam and had many negative assumptions about Islam. This atmosphere changed when they accepted Islam. This initiation is very noticeable. organized by MAIK and preaching NGOs in Kelantan from the present time. This discovery proves that no knowledge of Islamic knowledge has prevented them from receiving guidance from Allah SWT. Contribution This study found that the form of Islamic preaching in the state of Kelantan is complex. Regardless of the state of da'wah in this state, it can be adapted to the da'wah model of spreading Islam in a pluralistic society. This da'wah model can also be modified for other places. The results of this study have been explained in depth and can be used by policy makers.

Keywords: Model, Da'wah, Convert, Analysis, Design, Construction

Abstrak

Objektif Kajian ini bertujuan membangunkan model dakwah untuk menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat bukan Islam di Kelantan dan juga diperingkat global menggunakan kaedah kajian kualitatif. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dengan mengadakan temuduga 11 organisasi dakwah secara intensif di Kelantan serta temubual sekumpulan orang asli yang baru memeluk Islam dikawasan orang asli, Gua Musang, Pos Tohoi, Kelantan, temu bual kumpulan muallaf peserta seramai 41 orang yang sudah dua tiga memeluk Islam sedang menghadiri kursus pemantapan akidah saudara baru anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Persatuan Cina Muslim Kelantan (MACMA) pada tahun 2023 di Kelantan dan kursus saudara baru dihadiri oleh 101 peserta saudara baru yang dah dua tiga tahun masuk Islam anjuran Majlis Agama Islam Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) pada 2023 di Kota Bharu, Kelantan. Penemuan kajian adalah muallaf merupakan asalnya orang bukan Islam melalui proses penukaran agama mereka menjadi orang Islam. Mereka mempunyai banyak anggapan negatif terhadap agama Islam sebelum mereka memeluk Islam. Suasana ini berubah apabila mereka menerima Islam. Penemuan ini sangat ketara apabila selepas dua tiga menerima Islam, mereka sentiasa terdedah dengan ilmu asas agama yang dianjurkan MAIK dan NGO dakwah di Kelantan dari semasa kesemasa. Penemuan ini membuktikan tiada usaha mencari pengetahuan ilmu agama Islam telah menghalang mereka dari mencari dan mendapat hidayah dari Allah SWT. Natiyah kajian ini mendapati bentuk dakwah Islamiah di negeri Kelantan adalah kompleks. Walau bagaimana pun keadaan dakwah di negeri ini dapat disesuaikan dengan model dakwah penyebaran agama Islam dalam masyarakat yang berbudaya majmuk. Model dakwah ini juga boleh diubah suai untuk diguna pakai di tempat lain. Hasil kajian ini telah dihurai secara mendalam dan dapat dimanfaatkan oleh pembuat polisi.

Kata kunci: Model, Dakwah, Muallaf, Analisis, Rekabentuk, Pembinaan

PENGENALAN

Islam adalah agama yang memberi keistimewaan serta hak asasi manusia. Iman pula adalah salah hak asasi bagi manusia yang sangat penting sekali. Agama Islam telah menyeru untuk mengajak manusia supaya mengkaji dan mempertimbangkan sebab dan bukti penciptaan di alam semesta alam yang sangat luas dan canggi ini. Agama Islam adalah agama yang tidak membenarkan manusia dipaksa untuk menerima Islam. Oleh kerana timbul masalaah salah faham tentang agama Islam dikalangan umat bukan agama Islam, satu kajian dijalankan di Kelantan untuk menilai pandangan orang bukan terhadap Islam serta pandangan muallaf terhadap Islam. Sebelas organisasi dakwah di Kelantan telah ditemuduga secara intensif untuk mendapat maklum balas pengetahuan orang bukan Islam dan muallaf tentang agama Islam. Proses penyebaran pengetahuan tentang agama Islam sangat penting agar masyarakat di Kelantan hidup dalam keadaan hormat menghormati diantara satu sama lain dalam budaya masyarakat majmuk.

Untuk menentu kejayaan sesuatu kajian mengenai pembinaan model dakwah untuk orang bukan Islam perlu melihat kunci kejayaan seorang bukan Islam itu selepas memperoleh hidayah dari Allah ﷻ dan melakukan syahadah. Mereka ini dahulunya hidup dalam kegelapan (kesesatan) dan telah mendapat cahaya iman dari Allah ﷻ untuk menerima Islam sebagai agama mereka.

1. Surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً ۖ فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ۚ وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Maksudnya: Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu),

lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah menyelamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.

2. Surah Al-Kafirun ayat 1 hingga 6:

﴿قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ۝ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ۝ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۝ لَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ۝ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۝ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ۝﴾

Maksudnya: 1.Katakan wahai Muhammad, wahai orang kafir 2.Aku tidak akan sembah apa yang kamu sembah 3.Dan kamu pula tidak sembah yang apa aku sembah 4.Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah 5.Dan kamu tidak pernah menjadi penyembah tuhan yang aku sembah 6. Bagi kamu agama kamu dan bagi aku agama aku.

Sejak kemerdekaan pada tahun 1957, banyak pertubuhan dakwah telah ditubuhkan di Kelantan untuk menyampaikan mesej agama kepada masyarakat bukan Islam seperti:

1. Yayasan Dakwah Islamiah
2. Institut Dakwah Islamiah Kota Bharu Kelantan
3. Pusat Penerangan dan Dakwah Islamiah Antarabangsa Kota Bharu IIDAC
4. *Islamic Outreach* ABIM Kelantan
5. PERKIM Kelantan
6. Pusat Dakwah HKA
7. Ummah Care Organisation Kota Bharu
8. Yayasan Kelantan Darul Naim
9. Yayasan Islam Kelantan
10. Yayasan Pendidikan KAMI Kelantan
11. Majlis Ugama Islam Adat Istiadat Negeri Kelantan Bahagian Dakwah

MASALAH PENYELIDIKAN

Orang bukan Islam mempunyai banyak sangkataan negatif kepada agama Islam, oleh yang demikian kajian perlu dijalankan membuktikan kebenaran dan kemurnian agama Islam.

SOALAN KAJIAN

Apakah model dakwah yang paling berkesan untuk sampaikan mesej Islam di Kelantan dan di peringkat global ?

OBJEKTIF KAJIAN

Membangunkan model dakwah untuk sampaikan mesej Islam kepada masyarakat bukan Islam di Kelantan dan juga di peringkat global berdasarkan kajian kualitatif

KAJIAN YANG LEPAS

KAJIAN KES NO 1:

KAJIAN PANDANGAN NEGATIF ORANG BUKAN ISLAM TENTANG AGAMA ISLAM

Silap faham yang menyebabkan kekeliruan untuk mencari agama yang sebenar. Pada umumnya faktor-faktor kekeliruan dari sasaran boleh dirumuskan seperti berikut Aziz (2013) dan juga Mengikut Ab Aziz (2015) juga, terdapat 28 tanggapan-tanggapan negatif orang bukan Islam terhadap orang Islam yang boleh dijadikan rujukan dalam menganalisis kelemahan orang bukan Islam di Kelantan. Pandangan negatif ini menyentuh bidang akidah, ibadat, figh jenayah, muamalah seperti berikut;

1. Islam adalah agama kuno
2. Hukuman dalam Islam adalah sangat kejam
3. Islam menghadkan pilihan terhadap makanan
4. Islam itu agama keras
5. Islam menggalakkan untuk berperang
6. Islam benar berpoligami
7. Tuhan orang Islam sangat zalim
8. Agama Islam tidak bertolak ansur
9. Islam menyusahkan
10. Islam menggalakkan pengikutnya berperang
11. Islam tersebar melalui kekerasan
12. Orang Islam agresif
13. Islam sesuai untuk orang Arab sahaja

14. Orang Islam suka berperang
15. Al-Quran bukan dari tuhan tetapi ciptaan manusia
16. Al-Quran hanya tiruan kitab-kitab suci yang terdahulu
17. Islam untuk orang Arab sahaja
18. Penganut agama Islam sembah Ka'abah
19. Perkahwinan boleh tamat melalui perceraian
20. Tidak boleh pelihara anjing
21. Babi dicegah makan
22. Pakaian orang perempuan terhad mengikut peraturan tertentu
23. Dilarang judi dan minum arak
24. Sutera dan emas tidak dibenarkan kaum lelaki pakai
25. Perempuan kena tutup aurat
26. Islam kurang had perempuan tetapi beri kelebihan kepada lelaki
27. Nabi Muhammad ﷺ tidak disebut dalam kitab terdahulu
28. Islam tidak sesuai dengan orang bukan Islam

KAJIAN KES NO 2:

KAJIAN MENGAPA KAMI MEMELUK ISLAM

Kajian ini dijalankan di Selangor di kalangan mereka yang baru memeluk Islam dan hasil kajian diterbitkan sebagai buku rujukan, mengapa kami memeluk Islam? Buku ini diterbitkan oleh DNJ consultant Sdn Bhd dan dicetak oleh Arif Corporation Sdn Bhd pada tahun 2007 Kajian ini dijalankan keatas orang mualaf mengikut kaedah kajian kuantitatif yang terlibat dengan 400 sampel Hasil penemuan kajian orang mualaf sebelum mempunyai banyak negatif pandangan terhadap orang Islam tetapi selepas menerima Islam telah berubah kepada pandangan sangat positif Lanjutan dengan perubahan selepas menghadiri kursus yang dianjurkan oleh organisasi dakwah dan NGO mereka terima Islam secara menyeluruh, mereka sungguh tekun dengan ajaran agama serta menlakukan ibadat secara tekun dan amalkan secara berterusan dan yakin dengan ajaran Islam.

METODOLOGI YANG DIGUNAKAN

Menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dengan mengadakan temuduga 11 organisasi dakwah secara intensif di Kelantan kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dengan mengadakan temuduga 11 organisasi dakwah secara intensif di Kelantan serta temubual kimpulan orang asli yang baru memeluk Islam di kawasan orang asli Gua Musang Pos Tohoi, Kelantan, temubual kumpulan mualaf yang sudah dua tiga memeluk sedang menghadiri kursus pemantapan akidah saudara baru anjuran YADIM dan MACMA Nov 2023 di Kelantan dan kursus saudara baru dihadiri oleh 101 peserta saudara baru yang dua tiga tahun masuk Islam anjuran MAIK pada Nov 2023 di Kota Bharu, Kelantan.

PENEMUAN DAN ULASAN

Kepentingan dan Strategi Penyelidikan

Kajian ini telah memperolehan penemuan penting mengapa orang bukan Islam mempunyai pandangan sangat negatif terhadap orang Islam. Strategi dakwah seterusnya membina model dakwah berdasar kepada kelemahan yang ada sekarang dan seterusnya merangkai kearah perancangan jangka panjang organisasi dakwah dapat berkembang, berdikari dan berupaya saing serta menjadi organisasi yang cemerlang dalam kerja dakwah. Oleh yang demikian model dakwah AMIRAH MDA 2024 dicadangkan mengambil kira perkara yang penting dari hasil penyelidikan untuk mencapai satu model dakwah yang lengkap dan dinamik untuk memajukan kerja-kerja dakwah diperingkat negeri, negara dan juga peringkat global.

Proses pembinaan model dakwah

Peringkat 1 kajian kualitatif pembentukan model dakwah untuk orang bukan Islam di Kelantan berdasarkan Keputusan analisis kekuatan dan kelemahan masyarakat bukan Islam di Kelantan dan Mualaf daripada temuduga 11 organisasi dakwah di Kelantan. Peringkat 2: Pencapaian Rekabentuk strategi yang dilaksanakan di

Kelantan untuk menyampaikan mesej Islam kepada sasaran. 3. Peringkat 3: Pencapaian pembinaan model dakwah yang dijalankan di Kelantan berdasarkan temuduga 11 organisasi dakwah di Kelantan. Cadangan pembinaan model dakwah yang boleh digunapakai di Kelantan dan tempat-tempat lain serta peringkat global. 4. Kajian telah membuktikan orang bukan Islam mempunyai banyak pandangan negatif terhadap Islam tetapi selepas menjadi mualaf persepsi negatif tersebut telah berubah menjadi sangat positif yang mana melalui proses penyebaran ilmu telah memberikan kesan kepada bukan untuk menghormati agama dan perpaduan dikalangan berbagai kaum dapat memberi keamanan dan kesejahteraan didalam masyarakat majmuk

Proses untuk pembentukan model dakwah adalah tiga peringkat; analisa, reka bentuk dan pembinaan. Dalam membentuk model dakwah yang baru ini akan melibatkan beberapa disiplin ilmu yang berlainan dengan menggunakan konsep pengukuhan yang akan membantu dalam usaha untuk mencapai satu produk baru yang dapat dengan pertolongan hidayah dari Allah ﷻ menyampaikan mesej Islam serta terima Islam sebagai agama hakiki mereka. Daripada strategi penyelidikan yang dicadangkan ini, para penyelidik menggariskan langkah seterusnya untuk membangunkan model penyelidikan baru akhir melalui tiga peringkat seperti yang dijelaskan seperti pendekatan bawah: **Peringkat 1:** (Analisa kekuatan dan kelemahan); Membuat analisa kekuatan dan kelemahan sasaran dan pendakwah serta mencari kunci kelemahan untuk mendapat cahaya iman daripada strategi lama dan baru untuk melakukan dakwah. Misi dakwah berjaya apabila sasaran memperoleh kunci hidayah dari Allah ﷻ serta membuat lafaz syahadah. Strategi perbezaan dakwah akan menghasilkan perbezaan cahaya iman. Ini bermakna setiap strategi dakwah yang direka bentuk dari berbagai kaedah itu adalah untuk membimbing ke arah mendapat kunci untuk mencari cahaya iman dan hidayah dari Allah ﷻ.

Manusia hanya mampu berusaha mencari iman dan hidayah diibaratkan sasaran mempunyai jasad dan roh. Dalam hujah ini manusia mampu menyampaikan mesej Islam melalui jasad iaitu penglihatan, pendengaran, percakapan tetapi yang menentukan anugerah iman dan hidayah ialah Allah ﷻ melalui roh yang diciptakan. Menurut Wan Manseri (2018) hati roh merasai keesaan penciptanya dan menafikan daya makhluk, otak roh memikirkan tanda-tanda keesaan pencipta melalui alam ciptaan Allah ﷻ menafikan daya makhluk yang berbentuk zahir dan yang ghaib dan lidah roh melafazkan kalimah - mentauhidkan Allah ﷻ. Manakala apabila roh berfungsi roh dapat membezakan serta memikirkan kejadian langit, bumi dan isinya seperti yang disampaikan oleh Allah ﷻ dalam ayat-ayat surah Imran ayat 190 hingga 200 untuk dihayati.

Model penyelidikan tersebut adalah hasil kajian yang dijalankan dengan membuat Analisa tentang kekuatan dan kelemahan pada masyarakat tersebut. Dari maklumat tersebut strategi dakwah akan dapat mengesan sama ada intensiti cahaya iman dengan strategi dakwah yang berbeza-beza yang mampu membawa perubahan kepada kumpulan sasar dengan bimbingan daripada Al-Quran, hadis, terjemahan Al-Quran dan ulasan oleh ulama dan kumpulan fokus. Berbagai-bagai kaedah strategi dakwah telah diusahakan oleh berbagai penyelidikan untuk mempengaruhi sasaran menerima Islam sebagai agama mereka. Pada konsepnya usaha mereka ini seperti cuba menyampaikan mesej Islam kepada sasaran ada strategi yang berkesan dan ada pula yang kurang berkesan. Sasaran adalah dicipta oleh Allah ﷻ mempunyai tubuh jasad dan tubuh roh. Usaha oleh penyelidikan untuk menyampaikan mesej Islam melalui berbagai strategi seperti memancar cahaya iman kepada tubuh jasad dan tubuh roh. Oleh yang demikian, yang memberi hidayah adalah di bawah kekuasaan Allah ﷻ. Jadi proses pembentukan model dakwah untuk memberi impak yang kuat mesti melakukan untuk mentauhidkan dengan melalui penghayatan kepada perkara yang boleh

memberi cahaya iman, cahaya hidayah dan cahaya makrifat. Rajah berikut menerangkan proses melalui strategi yang ada untuk melakukan penambahbaikan supaya membentuk model baru yang sesuai untuk dicadangkan dalam penyelidikan ini.

Konsep peneguhan berusaha membantu strategi dakwah yang baru dan lama yang berasas kepada usaha manusia yang pada hakikatnya tidak mempunyai sifat kesempurnaan dan tidak mampu memberi iman dan hidayah kepada makhluk lain. Jadi konsep peneguhan ini adalah sebagai satu usaha dan ikhtiar mencari keredaan Allah ﷻ supaya memberi hidayah dan iman kepada orang bukan Islam sebagai agama mereka.

Peringkat 2 (Reka bentuk): Proses dakwah melalui strategi lama dan baharu bagi menghasilkan perbezaan intensiti cahaya iman dan menggunakan kaedah ujian saringan untuk kebolehpercayaan dan kesahihan dapatan kajian. Model dakwah yang dipilih oleh kumpulan fokus akan dianggap sebagai model akhir untuk membawa perubahan kepada kumpulan sasar supaya mereka boleh terima mesej agama Islam.

Semua strategi dengan intensiti cahaya pada mulanya akan merancang untuk membimbing kumpulan sasaran ke jalan yang betul dalam hidup mereka tetapi ramai di antara mereka memilih untuk menentang tuhan dengan memilih untuk tidak menerima agama sebenar oleh itu mereka hidup dalam cahaya kegelapan. Justeru, cadangan model dakwah akan memberi solusi kepada mereka untuk mempertimbangkan semula agama Islam sebagai agama yang betul untuk diikuti dan diamalkan.

Proses pembangunan model dakwah mengikut proses penyelidikan yang berbeza-beza daripada kajian kekuatan dan kelemahan serta memilih model strategi yang melihat pelbagai strategi baru dan lama supaya mereka dapat menghayati kegemilangan Islam dan menghasilkan model dakwah baru untuk Kelantan dan akhirnya mana-mana bahagian di dunia ini. Untuk mencapai model akhir

penyelidik mencadangkan model baru dengan mengambil kira bahawa strategi ini memberi cahaya iman supaya kumpulan sasar dapat dipengaruhi untuk memilih agama Islam sebagai agama mereka. Dalam proses akhir permuafakatan cahaya iman yang dihasilkan daripada strategi manusia akan bergabung dengan cahaya hidayah daripada Al-Quran dan hadis sebelum dipertimbangkan untuk mendapatkan hidayah terakhir daripada Allah ﷻ. Bagi membawa orang bukan Islam kepada agama Islam dengan lebih berkesan, penyelidik mencadangkan dua pendekatan dalam model iaitu:

1. Melantik kumpulan fokus daripada ulama dan pakar dalam bidang dakwah dari dalam dan luar negara untuk mengkaji semula model cadangan dan kesesuaiannya untuk mempengaruhi kumpulan sasar. Kumpulan fokus akan dijadikan ujian realiti dan ujian kesahihan dan mereka dikehendaki memberi ulasan mengenai cadangan model baru dan susunan kehebatan strategi untuk menghasilkan model dakwah yang tepat bagi bukan Islam sebelum dan selepas penukaran; dan

2. Langkah seterusnya dalam peringkat tapisan dipertimbangkan untuk mengukuhkan lagi cahaya iman dengan menggunakan teknik pengukuhan menggunakan cahaya hidayah daripada strategi penyelidikan yang dicadangkan daripada al-Quran dan hadis.

Peringkat 3 (Pembinaan model dakwah):

Proses pembangunan model penyelidikan baharu bagi menghasilkan cahaya intensiti iman yang boleh mempengaruhi kumpulan sasar untuk memeluk agama Islam dan bukan Islam selepas penukaran Tahap 3 merupakan usaha untuk mendapatkan cahaya hidayah daripada Allah ﷻ selepas menggunakan teknik pengukuhan dengan menggunakan strategi daripada al-Quran dan hadis bagi bukan Islam. Mereka akan diberikan asas yang mudah dan asas bagi Islam diperkukuhkan dengan strategi yang boleh mempengaruhi untuk memeluk agama Islam manakala bagi bukan Muslim yang telah memeluk agama Islam perlu diperkukuhkan dengan strategi yang berbeza.

Ini akan dipertingkatkan lagi bagi mengukuhkan cahaya iman mereka dengan pelbagai strategi yang dicadangkan untuk mencari cahaya hidayah daripada Allah ﷻ supaya mereka terus menjadi umat Islam yang baik dan cintakan agama Islam. Peringkat ketiga perlu disokong dengan strategi pengawasan, penilaian, serta pemantauan yang berterusan, dan kurikulum dakwah yang perlu disemak dari semasa ke semasa agar dapat memastikan kurikulum dakwah yang sesuai dengan keadaan semasa diguna pakai. Perlaksanaan dasar kualiti di setiap peringkat perlu di laksanakan agar matlamat untuk mempengaruhi sasar dapat dicapai dan yang memilih untuk terima Islam. Golongan ini mesti terus dibantu untuk menambah ilmu agama Islam agar mereka ini dibimbing untuk mereka terus bersama Islam. Perkhidmatan dan kebajikan mereka perlu juga dipantau dan memberi bantuan dari semasa ke semasa jika perlu. Proses menyampai dan menyebarkan kurikulum dakwah yang berstruktur melalui kegunaan ICT yang terkini di dalam berbagai bahasa perlu dibangunkan.

Pada peringkat pembinaan atau pembangunan model dakwah ini di peringkat global dicadangkan yang mana sasar yang tidak berjaya menerima Islam akan melalui proses berikut ini. Pada peringkat pembinaan seterusnya penubuhan, Maktab Islamiah Dakwah KAMI, Markas Islamiah Dakwah KAMI, Institusi Islamiah Dakwah KAMI dan Universiti Antarabangsa Dakwah KAMI juga dicadangkan. Untuk menjayakan hasrat ini dicadangkan juga ditubuhkan World Dakwah Organisasi KAMI, sebuah NGO dakwah yang akan berperanan meneruskan misi untuk menyatu padukan ummah melalui rangkaian kerjasama untuk membangunkan ummah dari segi ekonomi dan kewangan untuk tujuan memungut dana 1 USD setiap tahun untuk membiayai Universiti Antarabangsa Dakwah KAMI. Tiap-tiap negara akan dilantik duta dakwah (dakwah ambassador) sebagai penyelar aktiviti-aktiviti kutipan dana yuran ahli NGO dakwah dan dana lain-lain juga boleh

disalurkan melalui yayasan yang ditubuh serta mengedarkan matlamat tentang model dakwah yang dibangunkan dalam kajian ini.

Falsafah Model Dakwah

Model dakwah pada dasarnya untuk membimbing proses pembelajaran secara sistematik mengikut sukatan mata pelajaran yang disediakan termasuk jumlah jam kredit yang ditetapkan untuk mata pelajaran tersebut. Ia mempunyai tujuan mempelajari ilmu akan diperoleh, jumlah jam kredit, tempoh masa mempelajari serta bahan rujukan. Falsafah Pendidikan Dakwah ialah untuk melahirkan insan yang berilmu dalam bidang dakwah untuk memberi impak kepada orang bukan supaya mereka boleh membuat keputusan berpandu kepada ilmu baru yang diperoleh untuk pengaruhi pertukaran agama asal kepada agama yang diterima oleh pencipta.

Ciri-Ciri Konsep Model Dakwah

Model dakwah mempunyai ciri-ciri latihan dan penyebaran agama Islam melalui penyampaian secara talian, menekan kepada penyelidikan dan kebenaran serta menekan kepada perkhidmatan kepada masyarakat iaitu untuk membimbing masyarakat bukan Islam ke arah jalan yang lurus dan bukan pula jalan yang sesat.

Kriteria Pembentukan Model Dakwah

Banyak penyelidik telah berkongsi pengalaman berhubung dengan cara menyampaikan dokumen mengenai dakwah kepada sasaran tertentu. Terdapat juga isi dan kandungan dakwah sangat luas meliputi bermacam-macam cabang ilmu berkaitan dengan ibadat, akidah, syariat, akhlak dan lain-lain. Oleh itu isi kandungan dakwah perlu disesuaikan dengan sasaran, kemampuan mereka menerima persembahan tersebut boleh mempengaruhi dan mengubah sasaran tersebut Ab Aziz (2015). Mengikut Zaydan (1976), cara dakwah yang berjaya mengenal pasti masalah dan seterusnya mencari jalan penyelesaiannya. Pada pendapat Al-Sayyid AL-Wakil (1994) pula, pendakwah perlu memilih isi kandungan yang relevan

dengan masalah-masalah sasaran dan cara untuk menyelesaikan kepada isu tersebut serta dapat membuat keputusan yang bijak untuk membuat perubahan. Penyelidik berpendapat oleh kerana sasaran adalah orang ingin menerokai bidang dakwah satu ilmu baru bagi mereka dicari, pendekatan yang paling sesuai menggunakan kaedah psikologi secara perlahan, asas, mudah difahami, penyampaian yang sangat menarik, penyelesaian satu isu yang dibangkit dengan mengemukakan jawapan yang sangat menarik, jelas serta jawapan senang untuk difahami. Penyelidik telah menggariskan tiga puluh kriteria menyentuh tentang isi kandungan model dakwah dalam usaha untuk membentuk model dakwah bagi orang bukan dalam masyarakat majmuk. Mata pelajaran yang dicadangkan ini akan diubahsuai mengikut keperluan berdasarkan hasil temu bual dengan sebelas organisasi dakwah di Kelantan serta dari kajian soal selidik yang akan dijalankan. Penentuan kriteria ini adalah satu usaha untuk mencari hidayah dari Allah ﷻ.

Kesesuaian isi kandungan model dakwah dengan sasaran.

Mengikut Ab Aziz (2015) isi serta kandungan dakwah sangat luas, oleh itu metode yang sesuai pada isi sangat penting untuk mencapai misi dakwah tersebut. Oleh yang demikian kesesuaian isi dengan sasaran terbahagi kepada:

1. Kesesuaian dengan kehendak agama dan pegangan hidup, ini meliputi dilihat kesesuaian itu dari sudut agama dan kepercayaan iaitu sasaran Kristian, Buddha, Hindu, Ateis, Muslim serta agama lain-lain;
2. Kesesuaian dengan kumpulan sasaran iaitu dari segi umur, latar belakang, status, etnik dan masa memeluk Islam;
3. Kesesuaian dengan masalah dan penyakit yang dihadapi oleh kumpulan sasaran; Kesesuaian isi kandungan kepada orang bukan Islam.

Terdapat banyak Masyarakat bukan Islam yang terbahagi kepada bermacam-macam kategori kepercayaan. Dirumuskan mengikut Al-Bayanuni (1993; 178-179), Zaydan (1976; 366-390), Ab Aziz (2015):

1. Golongan yang ingkar menerima agama dari Allah ﷻ
2. Golongan memuja berhala iaitu golongan syirik
3. Golongan ahli kitab
4. Golongan atasan yang sentiasa ingin mempertahankan status kedudukan mereka
5. Golongan yang mudah menerima Islam kerana tiada kepentingan lain
6. Golongan yang ada kepentingan untuk melakukan kerosakan di dalam masyarakat seperti golongan munafik
7. Membina kepercayaan kepada sumber isi dakwah yang disampaikan
8. Membina asas kepercayaan melalui ayat-ayat al-Quran dan hadis
9. Menghapuskan kesamaran dan masalah yang dihadapi oleh sasaran melalui model dakwah yang berkesan


Terdapat 28 tanggapan-tanggapan negatif orang bukan Islam terhadap orang perlu diperjelaskan dalam dokumen mata pelajaran untuk diedarkan melalui ICT kepada sasaran-sasaran Kriteria yang keempat: kesesuaian isi kandungan untuk mentauhidkan kepada Allah ﷻ untuk mencari dan pohon hidayah. Antara contoh lain yang dikaji dalam penyelidikan ini daripada 33 kriteria yang dikaji dalam pembinaan model dakwah ialah;

1. Kesesuaian isi kandungan dengan keperluan perkhidmatan pendakwah yang berprofilnya tinggi serta mempunyai sistem nilai dan integriti. Kesesuaian isi kandungan dengan metodologi dakwah untuk masyarakat bukan Islam.
2. Kesesuaian isi kandungan dengan perbandingan agama dan kepercayaan. Pendakwah perlu menjelaskan kepada kumpulan sasaran adakah semua agama sama, bagaimana cara mencari agama yang betul.
3. Kesesuaian isi kandungan mengapa memilih agama Islam
4. Kesesuaian isi kandungan asas pendidikan ibadat dan doa
5. Kesesuaian isi kandungan asas pendidikan pengajaran sejarah dan mukjizat Allah ﷻ anugerah kepada rasul-rasul
6. Kesesuaian isi kandungan asas pendidikan Allah ﷻ melalui Al-Quran dan hadis
7. Kesesuaian isi kandungan dengan peristiwa selepas mati
8. Akibat keengganan manusia untuk menerima ajaran agama Islam, Allah ﷻ telah mengingatkan tentang hari kiamat yang mana semua manusia akan mati serta menerima balasan masing-masing. Allah ﷻ telah berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 1;210 yang bermaksud: “tiada yang mereka nanti-nantikan melainkan datangnya Allah dan malaikat dalam naungan awam, dan diputuskan perkaranya, hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan.
9. Kesesuaian isi kandungan amaran, hukuman, berita ancaman (neraka)
10. Kesesuaian isi kandungan insentif dan berita gembira (syurga)
11. Kesesuaian isi kandungan dengan kepercayaan kepada Al-Quran dan mukjizat Al-Quran
12. Kesesuaian isi kandungan dengan keajaiban dan keunikan Rasulullah ﷺ
13. Kesesuaian isi kandungan dengan kebesaran pencipta, kajian mengenali kejadian langit, bumi dan isi kandungannya. Nikmat mana mereka tidak bersyukur?
14. Kesesuaian isi kandungan untuk para pendakwah berkhidmat sebagai pemancar cahaya iman dan hidayah dalam hati manusia serta membina kekuatan dan semangat jihad sebagai pejuang agama Allah ﷻ.
15. Kesesuaian isi kandungan dengan ilmu asas ibadat Kesesuaian isi kandungan dengan ilmu asas akidah
16. Kesesuaian isi kandungan dengan ilmu asas fiqh jenayah
17. Kesesuaian isi kandungan dengan ilmu asas perbankan secara Islam

18. Kesesuaian isi kandungan dengan peranan pusat tahfiz juga dilatih sebagai pendakwah yang menjadikan dakwah ambassador mengedar risalah dakwah secara talian untuk sasaran
19. Kesesuaian isi kandungan dengan cara untuk mentauhidkan Allah ﷻ melalui penghayatan kepada wirid Asmaulhusna, wirid tasbih dan wirid taubat
20. Kesesuaian isi kandungan dengan memperteguh tauhid dengan membanyakkan solat sunat dan tahajud
21. Kesesuaian isi kandungan untuk menjelaskan tentang kebenaran agama Islam serta menjelaskan mengenai isu tanggapan negatif masyarakat bukan Islam ke orang Islam yang tidak benar

PEMBINAAN MODEL DAKWAH AMIRAH (MDA 2024)

Melihat kepada pentingnya isu salah sangka di dalam kalangan orang bukan Islam kajian ini tertumpu untuk membina model dakwah yang mana pengetahuan tentang Islam dapat senang diperolehi melalui cara moden ICT dan media masa yang sangat canggih yang boleh diperolehi dengan cepat dan mudah untuk disampaikan mesej Islam di mana sahaja mereka berada. Berasas kepada pendekatan di atas serta 33 kriteria model dakwah berikut dibina berpadu kepada pencapaian objektif kajian kualitatif di tiga peringkat proses pembinaan model dakwah seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1 Pembinaan Model Dakwah (Model Dakwah Amirah MDA 2024)

Kurikulum berdasarkan 33 kriteria tersebut dibangunkan untuk disampaikan mesej Islam kepada orang bukan dan bagi yang mualaf mereka akan mengikuti kurikulum sedia ada yang digunakan oleh badan dakwah serta NGO . Model DAKWAH AMIRAH MDA 2024 juga ambil kira perancangan jangka panjang selepas mendapat hasil temuduga 11 organisasi dakwah di Kelantan Hasil temuduga juga perlu kepada model dakwah yang lebih dinamik dalam menghadapi cabaran masyarakat yang tertekan dengan berbagai krisis penghidupan . Hasil temuduga juga berbagai factor perlu diberi penekanan dalam pembinaan model dakwah supaya organisasi dakwah boleh berkembang ke hadapan ,peranan lebih berkesan serta kekal berterusan Model DAKWAH AMIRAH MDA 2024 merupakan model dakwah penyebaran ilmu ajaran Islam yang dibina berpandu kepada penyelidikan yang telah dijalankan serta disokong juga

dengan model dakwah perpaduan, model dakwah ekonomi, model dakwah ICT, Model dakwah pembinaan masyarakat maju supaya melahirkan model dakwah yang sempurna dan dinamik untuk memberi kesan serta mempengaruhi sasaran dan bersedia menghadapi masyarakat yang sangat mencabar masa kini

Model dakwah perpaduan

Satu aspek kelemahan organisasi dakwah dan NGO dakwah dalam kajian ini ialah dana dan peruntukan yang terhad yang menyebabkan yang mana setengah organisasi dakwah dan NGO tidak boleh berkembang dengan lebeh pantas. Adalah dicadangkan model dakwah perpaduan untuk membantu mencari sumbangan untuk menampung keperluan dana dakwah melalui ujudnya NGO perpaduan yang keahliannya seluruh umat Islam didunia dengan yuran keahlian rm 5 satahun . Sakiranya seluruh umat boleh menyumbang sudah tentu satu pungutan yang banyak untuk membantu program dakwah

Model dakwah ekonomi

Dari kajian ini dakwah organisasi dan NGO dakwah mendapatkan peruntukan dari kerajaan dan juga dana dari persaorangan dan syarikat-syarikat . Untuk menjamin kerkembangan program dakwah secara berterusan perancangan jangka panjang perlu diberi keutamaan . Menjana pendapatan melalui kerjasama dengan umat Islam sudah tentu dapat sumbang pendapatan kepada program dakwah.

Model dakwah membangun masyarakat maju

Kajian ini juga tertumpu kepada membangun masyarakat maju berteras kepada sistem nilai dan integriti. Ayat-ayat dalam Al-quran yang berkaitan telah dikaji oleh Ab Aziz (2015) seperti surah Al- Isra ayat 23, surah al-Isra ayat 24, surah Al-Isra ayat 25 ,surah Al-Isra ayat 26, surah Al-Isra ayat 27 beliau telah menggaris 17 akhlak untuk orang Islam. Sakira kita kaji 17 akhlak Islam kita boleh rumuskan sistem nilai dan integriti Islam seperti berikut:

1. Disiplin
2. Amanah
3. takdir
4. kerajinan
5. kesetian
6. Kesanggupan menerima perubahan
7. Kasihan
8. Kesabaran

Dalam kajian ini juga ada berpendapat orang Islam mesti mempunyai kualiti masyarakat contoh dalam segi sifat nilai dan integriti agar segani oleh masyarakat bukan Islam .Walau pun usaha memperkenalkan sistem nilai dan integriti diperkenalkan di Malaysia semenjak awal sembilan puluhan lagi usaha ini tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya agar usaha in perlu laksanakan semula agar umat dapat menghayati dan dijadikan sebagai budaya masyarakat orang Islam , pohon usaha ini berpandu kapada al-Quran supaya di berkati oleh ALLAH SWT

Penyebaran Model Dakwah ICT Yang Terkini

Proses untuk menyampaikan dan menyebarkan kurikulum dakwah yang berstruktur melalui kegunaan ICT yang terkini dalam berbagai Bahasa perlu dibangunkan . kerjasama dengan berbagai pihak untuk menjamin maklumat resalah mengenai agama Islam melalui kurikulum dakwah yang berstruktur perlu dikaji mengikut sesuai dengan kumpulan sasaran. Pendakwah-pendakwah dalam kalangan generasi muda perlu dilatih untuk menjalani penyelidikan kurikulum dakwah agar dapat memberi impak kepada kumpulan sasaran. Usaha ini termasuklah penyelidikan untuk memberi daya tarikan kepada sasaran supaya mereka

Penyebaran maklumat dan resalah mengenai agama Islam melalui media elektronik dengan menggunakan teknologi yang terkini seperti WhatsApp, Facebook, Tik Tok, YouTube, laman media sosial, Internet dan selain-lain supaya maklumat yang sebenar mengenai agama Islam dapat disampai kepada kumpulan sasaran. Ini satu usaha untuk mengatasi masalah

yang hadapi oleh orang Islam di mana media yang dipengaruhi oleh musuh memutarbelitkan maklumat sebenar tentang agama Islam.

Budaya minat kepada agama Islam boleh dibangunkan melalui reka bentuk yang mempunyai nilai-nilai tarikan yang tinggi. Pendakwah-pendakwah ini boleh ditempatkan di unit khas penyelidikan. Peranan unit khas penyelidikan ini perlu juga Kerjasama dengan badan dakwah antarabangsa untuk sama rancang untuk menghasilkan dokumen dakwah yang diterjemahkan dalam bentuk model khas yang ditulis dalam perbagai bahasa boleh diedarkan di Kelantan dan akhir sekali ke seluruh dunia.

Teknik Penilaian Yang Berterusan Untuk Menjamin Visi Dan Misi Tercapai

Dalam membentuk model dakwah untuk orang bukan Islam perlu juga memberi perhatian kepada aspek penyelidikan yang berkaitan dengan meningkat Teknik penilaian yang berterusan, jaminan kualiti yang tinggi, kurikulum dakwah yang mempunyai daya tarikan yang tinggi. Barisan pemuda yang dilatih dari golongan yang mengikut pengajian tahfiz sebagai wakil negara masing-masing untuk mengedarkan maklumat dakwah dalam berbagai Bahasa negara mereka agar risalah dakwah dapat edar ke seluruh dunia. Pelajar yang mengikuti program tahfiz adalah pendakwah yang boleh dilatih dengan kebolehan dan kemahiran berzikir dan juga dilatih sebagai Penyelidik yang tertumpu kepada aspek tarikan melalui reka bentuk yang sangat menarik dalam bentuk Tik Tok dan sebagainya. Sebagai penyebaran berita dakwah adalah usaha yang murni untuk menjamin visi dan misi dakwah untuk orang bukan Islam tercapai.

PENUTUP

Kajian kualitatif berdasarkan temubual 11 organisasi dakwah telah membangunkan model dakwah telah menghasilkan idea baru bagi pembinaan model dakwah bagi orang bukan Islam di Kelantan. Tiga proses telah dikaji; analisis, rekebentuk dan pembinaan. Modal Dakwah ini mengambil berbagai fakta untuk

menglenkapkan dan ambil kira berbagai kriteria semua 33 kriteria. Model dakwah AMIRAH (MDA 2024) akan menggunakan kurikulum yang direkabentuk sesuai untuk menjadi model dakwah menyampaikan mesaj Islam dikelantan, Malaysia dan juga boleh di pakai di peringkat global. Hasil kajian kualitatif ini dikalangan mualaf di dapati Islam adalah agama keamanan, kesejahteraan, perpaduan, kasih sayang, suka kepada kedamaian dalam kehidupan yang berasaskan masyarakat majmuk. Ajaran agama Islam berpandu kepada Al-Quran perlu dihayati dan mengambil pelajarannya; Kajayaan sesuatu misi dakwah adalah terletak diataras kemenangan dan pertolongan dari Allah SWT seperti dijelaskan dalam ayat berikut:

1. Surah An-Nasr ayat 1 hingga ayat 3

﴿إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿٣﴾﴾

Maksudnya: 1. Apabila datang pertolongan Allah ﷻ dan kemenangan (Ketika Muhammad berjaya menawan negeri Mekah) 2. Dan engkau saksi manusia masuk ke dalam agama Islam secara ramai-ramai 3. Maka bertasbihlah dan memuji tuhanMu serta beristighfarkanlah

RUJUKAN

1. Wan Mahmood, K, H (2024), Preliminary Investigation for a Da*wah Model to Spread The Message of Islam in a Plural Society, Arrasikhun Journal Vol 10, Special issue May 2024
2. Ab Aziz Mohd Zin (2015), Metodologi Dakwah, Penerbit Universiti Malaya
3. Nawawi (2009), Islam pelbagai agama dan kepercayaan.
4. Ali, A. (1983)). *The Holy Quran Translation and Commentary*. Amanat Corp USA, Bhd.
5. Nawawi, A. (2009). *Allah Islam and Allah Christion (original) are the same*. Arif Corporation Sdn.
6. Nawawi, A. (2009). *Islam: various religions and beliefs*. Arif Corporation Sdn Bhd.
7. Nawawi, A. (2009). *Why Embrace Islam*. Arif Corporation Sdn Bhd.
8. Zin, A. (2015). *Dakwah Methodology*. University Malaya Publication.

9. Muhammad S K M M (2014), Figh call for non-muslim to Islam and for take care of convert, thesis PhD , Al-Madinah International University (MEDUI)
10. Ahmad Khurshid (1980) Islam its meaning and message Great Britain The Islamic foundation
11. Abd al- Karim Z A (1993) Usul al-dakwah Beirut Muassasah al- Risllah
12. Irzum Fariyah (2014) Strategi dakwah ditengah konflik Masyarakat addin vol 8 no 2 August 2014
13. Rosmi Ismail (2017) Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
14. Abdul Hamid M (2017) Kaedah Penyelidikan & Penulisan Lapuran Projek Tahun Akhir, Penerbit UMK University Malaysia Kelantan.
15. Al- Bayanuni (1993) al-Madkhal ila Ila al-Dakwah,al-Risalah,Beirut
16. Zaydan,Abd al-Karim,(1976) ,Usul al-Dakwah,al-Manar]
17. Al-Sayyid Al-Wakil, (1994) Taqnin - Dakwah , Dar AL- Mujtama ,Jedah

Malaysia , wakil NGO Dakwah dan wakil muallaf asal pendakwah dari agama bukan islam.

4 Lain-lain individu yang memberi sumbangan.

PENGHARGAAN;

Pihak penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas segala sumbangan ikhlas untuk menjayakan penyelidikan ini terdiri daripada :

1 Semua organasasi dakwah dan NGO Dakwah diKelantan saperti ; MAIK,YADIM,PERKIM Kelantan,ABIM Outreach Kelantan,MACMA,YPK,IIDAC dan lain-lain tercatat dalam kertas kerja ini.

2 Penyelia -penyelia tesis, pemeriksa-pemeriksa tesis.

3 Kumpulan yang terdiri ulama, ilmuian diperingkat negara dan antarabangsa (Indonesia, Nigeria, Mesir), ahli korporat, Mantan Pengarah Jabatan Islam Selangor,